

**Laporan Ringkas Kajian:
Tahap Pengetahuan,
Sikap, dan Amalan Terhadap
Isu Perlindungan
Kanak-Kanak**


Dalam Kalangan Dewasa di Malaysia



Kolaborasi:
Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia
Bersama:
Dr. Abdul Rahman Ahmad Badayai (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Prof. Madya Dr. Zaharah Sulaiman (Universiti Sains Malaysia)

KANDUNGAN

| | |
|----------------------------------|----|
| KATA PENGANTAR | 1 |
| PRAKATA | 2 |
| PENGENALAN | 3 |
| DAPATAN KAJIAN | 5 |
| • BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI | 6 |
| • BAHAGIAN B: PENGETAHUAN | 8 |
| • BAHAGIAN C: SIKAP | 10 |
| • BAHAGIAN D: AMALAN | 11 |
| SOROTAN | 13 |
| CADANGAN DAN RESOLUSI | 14 |
| PENUTUP | 15 |
| RUJUKAN | 16 |



KATA PENGANTAR

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang menganugerahkan petunjuk-Nya dan memudahkan urusan sehingga laporan ringkas kajian perlindungan kanak-kanak di Malaysia dapat diselesaikan. Bagi pihak Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia, saya merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada kedua-dua penyelidik Dr. Abdul Rahman bin Ahmad Badayai, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Prof. Madya Dr. Zaharah Sulaiman, Universiti Sains Malaysia (USM) yang gigih dan ikhlas dengan memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan penyelidikan ini.

Kanak-kanak merupakan aset terpenting bagi negara. Golongan ini perlu dilindungi dengan sebaiknya bagi memastikan Malaysia mempunyai generasi masa hadapan yang kukuh dan terpelihara kesejahteraan mereka. Dalam konteks ini, golongan dewasa berperanan penting dalam memelihara dan memastikan anak-anak Malaysia mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Semoga dengan penyelidikan yang dilaksanakan oleh Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia bersama UKM dan USM, dapat memberikan gambaran awal status isu perlindungan kanak-kanak sebelum program-program pencegahan dan intervensi awal dilaksanakan. Harapan kami, laporan ringkas ini juga membuka perspektif masyarakat berkenaan status dan kedudukan isuisu perlindungan kanak-kanak Malaysia. Dengan laporan ringkas ini juga diharapkan dapat menyampaikan maklumat tersurat dan tersirat kepada semua agensi-agensi dan pertubuhan bukan kerajaan dalam mendepani isu perlindungan kanak-kanak di Malaysia.

Akhir kata, selamat membaca laporan ringkas ini dan semoga semua pihak dapat memanfaatkannya dan mampu bergerak seiring ke hadapan dalam memperjuangkan hak kanak-kanak di Malaysia.

Ustazah Sallawahiu Mohd Salleh
Ketua Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia
10 November 2021

PRAKATA

Penderaan dan pengabaian kanak-kanak merupakan isu yang paling menekan dan serius di bawah pencabulan hak asasi manusia. Perkara ini juga merupakan masalah yang dapat memberikan pelbagai kemudaratan terhadap mangsa kanak-kanak. Selain dapat menyebabkan kecederaan, penderaan dan pengabaian juga meningkatkan risiko jangka panjang kanak-kanak terhadap beberapa masalah kesihatan lain, termasuk penyakit kronik, ketidakupayaan fizikal, tingkah laku berisiko pada masa hadapan seperti ponteng sekolah, keganasan dan pencerobohan, penggunaan dan penyalahgunaan bahan, dan masalah kesihatan mental. Malah, kanak-kanak yang mempunyai sejarah penderaan seksual juga berisiko tinggi untuk kehamilan yang tidak diingini, jangkitan kelamin dan keguguran.

Selama beberapa dekad, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa bukan kerajaan dan badan-badan advokasi di seluruh dunia telah berusaha untuk menarik dan merangsang lebih banyak perhatian masyarakat dunia terhadap pelbagai bentuk penderaan dan pengabaian fizikal, emosi dan psikologi kanak-kanak. Usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan antaranya adalah menyediakan perlindungan kepada kanak-kanak yang didera, melobi untuk pembaharuan undang-undang, dan mencabar sikap, kepercayaan dan amalan yang meluas yang menyokong keganasan terhadap kanak-kanak.

Hari ini, institusi-institusi tempatan di Malaysia juga tidak ketinggalan bersuara menentang penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Tinjauan dan kajian sedang dilaksanakan bagi mengumpul lebih banyak maklumat tentang kelaziman dan sifat penderaan dan pengabaian kanak-kanak di Malaysia. Malah lebih banyak organisasi, penyedia perkhidmatan dan pembuat dasar menyedari bahawa penderaan dan pengabaian kanak-kanak adalah perkara yang perlu dipandang serius dan mempunyai kesan buruk jangka masa panjang terhadap kesihatan dan kesejahteraan psikologi kanak-kanak pada masa akan datang.

Oleh itu, penyelidikan yang dilaksanakan oleh Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) adalah amat bertepatan dengan hala tuju terkini Pertubuhan IKRAM dalam memperjuangkan hak kanak-kanak di Malaysia. Semoga kerjasama penyelidikan ini memberi impak yang besar terhadap perancangan pencegahan, intervensi dan penggubalan dasar dan polisi sedia ada yang lebih mesra kanak-kanak.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada WANITA Pertubuhan IKRAM Malaysia, pembantu penyelidik, enumerator di setiap negeri atas sumbangan dan bantuan mereka serta para responden atas kesediaan mereka untuk menjawab soalan kajian tersebut.

Dr. Abdul Rahman bin Ahmad Badayai (UKM)
Prof. Madya Dr. Zaharah Sulaiman (USM)
(GERAN SK-2021-012)
10 November 2021

PENGENALAN

Isu perlindungan kanak-kanak masih kurang mendapat perhatian masyarakat (United Nations Children's Fund, 2014; Mohammad Ramzi, 2015; Dahake et. al. 2018) dan komuniti setempat secara umumnya walaupun golongan ini merupakan golongan yang perlu dilindungi sepanjang masa.

Setiap saat kanak-kanak menjadi mangsa orang dewasa samada ibubapa, penjaga ataupun dewasa lain yang mana sepatutnya memberikan perlindungan dari segenap aspek kehidupan (Mohammad Ramzi, 2015; Dahake et. al. 2018). Hal ini kerana kanak-kanak merupakan generasi pelapis yang akan membangun sesebuah negara.

Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak merujuk kepada individu yang berusia di bawah 18 tahun (Abas, 2012; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Beberapa istilah penting:

Perlindungan kanak-kanak merujuk kepada strategi pencegahan dan intervensi bagi membendung kes-kes penderaan, pengabaian, eksloitasi dan keganasan dalam kalangan kanak-kanak di bawah 18 tahun (Abas, 2012; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Pengabaian kanak-kanak adalah kegagalan untuk memberikan dan menyediakan semua keperluan asas seperti keperluan nutrisi, kesihatan, fizikal, rumah, emosi, pendidikan, psikologi untuk kanak-kanak. Malah kegagalan ini dapat memberikan ancaman kepada kehidupan kanak-kanak (Abas 2012; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).


Penderaan kanak-kanak merupakan tindakan pencabulan terhadap hak individu kanak-kanak untuk terus hidup dan berkembang secara sihat dan bermaruah. Ini termasuk penderaan seksual, fizikal dan emosi dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun (Abas 2012; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Terdapat jurang yang besar terhadap tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan masyarakat (United Nations Children's Fund, 2014; Dahake et. al. 2018) dan komuniti setempat berkenaan isu perlindungan kanak-kanak di Malaysia.

Atas dasar itu, penyelidikan ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan orang dewasa terhadap isu-isu perlindungan kanak-kanak di Malaysia terutama berkaitan dengan isu-isu penderaan dan pengabaian.

Justeru itu, laporan penyelidikan ini secara ringkasnya menyediakan maklumat demografi dan statistik secara deskriptif sahaja. Soalan kajian dalam talian yang telah dilaksanakan ini menggunakan data seramai **1148 responden dari seluruh negara pada 2021** dalam kalangan dewasa yang mempunyai pelbagai tahap pendidikan, jantina, bangsa, umur dan negeri. Soal selidik Pengetahuan, Sikap dan Amalan telah digunakan dalam kajian ini. Semua responden kajian yang terlibat adalah secara sukarela dan boleh menarik diri pada bila-bila masa.

Laporan ringkas (awal) ini adalah amat penting bagi semua pemegang taruh dan agensi-agensi pertubuhan bukan kerajaan dalam merangka program-program pencegahan, intervensi serta perubahan dasar polisi sedia ada dalam komuniti di Malaysia bagi memperhalusi dan memperkasakan dasar perlindungan kanak-kanak di Malaysia.




DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu;

- A. maklumat demografi,**
- B. pengetahuan,**
- C. sikap, dan**
- D. amalan terhadap isu perlindungan kanak-kanak
(kes penderaan pengabaian).**


Laporan ringkas ini hanya menyediakan maklumat statistik secara deskriptif sahaja.



BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI


Bahagian A merujuk kepada maklumat demografi responden kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti negeri, jantina, bangsa, umur, dan tahap pendidikan. Bahagian ini menghuraikan maklumat responden secara deskriptif dan peratus.

Carta pai 1.1: Peratus responden mengikut negeri di Malaysia (n = 1148)




Berdasarkan carta pai 1.1, bilangan responden tertinggi adalah dari Selangor iaitu seramai 332 orang dan bilangan responden terendah adalah dari Putrajaya iaitu 6 orang. Bilangan responden yang terlibat adalah menghampiri nisbah bilangan penduduk sebenar di Malaysia.

Carta pai 1.2: Peratus responden mengikut jantina (n = 1148)




Berdasarkan carta pai 1.2, jumlah responden tertinggi adalah dari kalangan wanita iaitu seramai 746 orang dan responden lelaki adalah 402 orang.

Carta pai 1.3: Peratus responden mengikut bangsa (n = 1148)




Berdasarkan carta pai 1.3, bilangan responden tertinggi adalah dari bangsa Melayu iaitu seramai 768 orang dan bilangan responden terendah adalah dari bangsa lain selain Melayu, Cina dan India iaitu seramai 80 orang.

Carta pai 1.4: Peratus responden mengikut umur (n = 1148)



Berdasarkan carta pai 1.4, bilangan responden tertinggi adalah yang berusia 30-39 tahun iaitu seramai 444 orang dan bilangan responden terendah adalah yang berusia 60 tahun ke atas iaitu 26 orang.

Carta pai 1.5: Peratus responden mengikut tahap pendidikan (n = 1148)



Berdasarkan carta pai 1.5, bilangan responden tertinggi adalah yang berpendidikan ijazah sarjana muda iaitu seramai 548 orang dan peratusan responden terendah adalah yang tiada pendidikan formal iaitu seramai 4 orang.

BAHAGIAN B: PENGETAHUAN


Bahagian B menghuraikan tahap pengetahuan (*knowledge*) orang dewasa terhadap isu-isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak di Malaysia. Perkara ini termasuk pengetahuan tentang terma ‘Perlindungan Kanak-Kanak’ dan pengetahuan tentang jenis penderaan yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak di komuniti setempat.

PENGETAHUAN

K1) Pernahkah anda mendengar terma Perlindungan Kanak-Kanak?

Graf 2.1: Peratus pengetahuan responden mengenai terma Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia (n = 1148)


PENGETAHUAN MENGENAI TERMA PERLINDUNGAN KANAK-KANAK




Berdasarkan graf 2.1, 92.3% (1060 orang) responden tahu mengenai terma “Perlindungan Kanak-Kanak” di Malaysia.

K2) Adakah anda mengetahui jika perkara berikut berlaku kepada kanak-kanak dalam komuniti anda?

Graf 2.2: Pengetahuan responden tentang kes penderaan kanak-kanak dalam komuniti (n = 1148)



Berdasarkan graf 2.2 lebih 50% responden mengetahui tentang penderaan emosi (606 orang) dan pengabaian (618 orang). Manakala, kurang 40% responden mengetahui tentang keganasan dalam komuniti (403 orang), buruh kanak-kanak (332 orang) dan perkahwinan bawah umur (391 orang).




BAHAGIAN C: SIKAP

Bahagian C menghuraikan tentang sikap (*attitude*) orang dewasa di Malaysia terhadap isu pukul dan disiplin kanak-kanak yang dilaksanakan oleh ibubapa, penjaga, guru atau orang dewasa secara umum dalam komuniti setempat.

SIKAP

- A1** Apabila kanak-kanak nakal dan enggan mengikut arahan, penjaga atau ibubapa dibolehkan untuk memukul mereka atas tujuan disiplin
- A2** Apabila kanak-kanak nakal dan enggan mengikut arahan, orang dewasa atau guru dibolehkan untuk memukul mereka atas tujuan disiplin
- A3** Kanak-kanak biasanya dianiaya oleh seseorang yang mereka tidak kenal
- A4** Kanak-kanak selalu berbohong mengenai penderaan yang berlaku kepada mereka
- A5** Orang yang mendera kanak-kanak umumnya berasal dari keluarga miskin
- A6** Orang yang mendera kanak-kanak umumnya mereka yang tidak bersekolah

Graf 3.1: Sikap responden terhadap isu kanak-kanak (n = 1148)



Berdasarkan graf 3.1, 48.5% (557 responden) setuju kanak-kanak wajar dipukul oleh ibu bapa/penjaga untuk tujuan disiplin. 43.5% (499 responden) setuju kanak-kanak wajar dipukul guru/orang dewasa untuk tujuan disiplin. 71.3% (819 responden) tidak setuju bahawa kanak-kanak biasanya didera oleh orang yang mereka tidak kenal. Seramai 49.2% (565 responden) setuju kanak-kanak selalu berbohong mengenai penderaan yang berlaku kepada mereka. Lebih 70% tidak setuju orang yang mendera kanak-kanak umumnya berasal dari keluarga miskin (819 orang) atau tidak bersekolah (878 orang).

BAHAGIAN D: AMALAN

Bahagian D pula menghuraikan tentang amalan (*practice*) orang dewasa di Malaysia terhadap tindakan atau kebiasaan yang mereka lakukan dan faktor-faktor penghalang dari membuat laporan apabila mengetahui atau mendengar penderaan kanak-kanak dalam komuniti setempat.


AMALAN

P1) Apa yang biasanya dilakukan apabila mengetahui/mendengar tentang penderaan kanak-kanak yang serius berlaku dalam komuniti anda (kanak-kanak tiada pertalian darah)

- A** Saya tidak melakukan apa-apa
- B** Saya melapor kepada agensi pelindung kanak-kanak
- C** Saya menjadi orang tengah
- D** Saya berdepan dengan pelakunya
- E** Saya berkongsi kes itu dengan rakan dan sedara – mara
- F** Saya berkongsi kes itu dengan keluarga saya sahaja
- G** Saya maklumkan kepada pemimpin masyarakat
- H** Saya melapor pada pihak berkuasa/polis

Graf 4.1: Reaksi responden jika berlaku kes penderaan kanak-kanak yang serius dalam komuniti (n = 1148)

APA YANG DILAKUKAN BILA ADA KES PENDEREAAN YANG SERIUS DALAM KOMUNITI




Berdasarkan graf 4.1, lebih 80% (lebih 918 responden) setuju bahawa mereka akan melapor kepada agensi pelindung kanak-kanak atau pihak berkuasa/polis atau maklumkan pada pemimpin masyarakat apabila mengetahui/mendengar tentang penderaan kanak-kanak yang serius berlaku dalam komuniti. Lebih 40% setuju bahawa mereka menjadi orang tengah (633 orang) atau berdepan dengan pelaku (532 orang) atau berkongsi kes itu kepada keluarga sahaja (546 orang) atau rakan dan sedara-mara (592 orang). Hanya 7.6% (87 responden) setuju yang mereka tidak melakukan apa-apa tindakan.

P2) Menurut anda, apakah sebab anda tidak melaporkan kes penderaan kanak-kanak yang serius?

- A** Sukar pergi ke tempat laporan
- B** Saya tidak percaya kewibawaan pihak berkuasa
- C** Takut dengan dendam
- D** Pelaku dihormati dalam masyarakat
- E** Saya biasanya mengenali orang yang melakukan penderaan tersebut
- F** Perkara ini biasa berlaku dalam komuniti
- G** Ini bukan tanggungjawab saya untuk mengambil tindakan
- H** Tiada tindakan yang mungkin diambil
- I** Tidak tahu di mana atau kepada siapa untuk melaporkan kes

Graf 4.2: Pandangan responden terhadap sebab mereka tidak melaporkan kes penderaan kanakkank (n = 1148)



Berdasarkan graf 4.2, lebih 30% (lebih 344 responden) bersetuju bahawa mereka takut dengan dendam dan tidak tahu ke mana harus melaporkan kes penderaan antara sebab mereka tidak laporkan. Lebih 80% (lebih 918 responden) bersetuju bahawa adalah tanggungjawab mereka untuk melaporkan kes penderaan. Lebih 60% bersetuju bahawa mereka percaya kewibawaan pihak berkuasa, kes penderaan biasa dalam komuniti dan tiada tindakan diambil setelah membuat laporan.

SOROTAN


- **Majoriti responden** kajian mengetahui berlakunya penderaan emosi (52.8%) dan pengabaian (53.8%) dalam kalangan kanak-kanak.
- Walau bagaimanapun, masih terdapat responden kajian yang kurang mengetahui berlakunya keskes keganasan dalam komuniti (35.1%), penglibatan kanak-kanak sebagai pekerja buruh (28.9%) dan perkahwinan bawah umur (34.1%).
- **Hampir separuh** daripada responden kajian (49.2%) yang mempercayai bahawa kanak-kanak akan berbohong mengenai perlakuan dera/abai oleh orang dewasa terhadap mereka.
- **Hampir 75%** responden kajian setuju bahawa kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak dilakukan dilakukan oleh orang yang dikenali oleh mangsa.
- Menariknya, **masih ramai** responden kajian bersetuju kanak-kanak wajar dipukul oleh penjaga/ibu bapa (48.5%) dan orang dewasa/guru (43.5%) bagi tujuan disiplin.
- **Sejumlah kecil (15.6%)** responden kajian bersetuju untuk mengambil sikap berdiam diri dari melakukan apa-apa tindakan berkaitan dengan kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.
- **Seramai 38.7%** responden kajian juga takut dengan dendam oleh pelaku dan mereka juga tidak tahu di mana tempat pelaporan atau kepada siapa harus dilaporkan.
- Malah terdapat juga **sebilangan kecil (9.8%)** responden kajian masih tidak mempercayai kewibawaan pihak berkuasa dalam menangani kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

CADANGAN RESOLUSI

- Program pencegahan dalam masyarakat berkaitan dengan isu-isu perlindungan kanak-kanak di Malaysia (kes penderaan dan pengabaian) dilaksanakan secara meluas dan konsisten di sekolah, komuniti setempat, daerah dan negeri.
- Mewujudkan tempat-tempat pelaporan/pengaduan yang lebih dekat, selamat, mesra dan dipercayai oleh pengadu (dalam kalangan dewasa atau kanak-kanak itu sendiri). Setiap tempat perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan yg terjamin.
- Menyediakan lebih banyak tempat-tempat perlindungan kanak-kanak yang memerlukan bantuan seperti di setiap mukim dan perlu dirahsiakan bagi menjamin keselamatan mangsa.
- Memberi jaminan keselamatan kepada komuniti setempat; peranan polis, ahli jawatankuasa masjid dan ahli jawatankuasa taman/kampung.
- Menggunakan semua saluran media sosial secara konsisten bagi menyalurkan maklumat tentang pencegahan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak di komuniti setempat.
- Menggunakan semua saluran media sosial secara konsisten bagi menyalurkan talian ‘helpline’ dan ‘hotline’ secara meluas supaya mudah bagi pengadu/mangsa membuat laporan.
- Mewujudkan kod (contoh: **Saya Di DeRa = ‘SADIRA’**) dalam pesanan ringkas dan media sosial bagi memaklumkan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak di komuniti setempat. Mangsa juga perlu di ajar kod tersebut bagi menyampaikan maklumat secara tepat.
- Mewujudkan **kod komunikasi tanpa lisan** sebagai indikator **‘saya didera’** dan perlu disebar luaskan dalam kalangan masyarakat. Mangsa perlu diajar kod komunikasi tanpa lisan ini bagi menyatakan bahawa mereka didera atau diabai.

PENUTUP

Kajian ini melibatkan 1148 responden dewasa dari seluruh Malaysia berkenaan tahap pengetahuan, sikap dan amalan rakyat Malaysia terhadap isu-isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Dapatkan penyelidikan ini juga dapat dijadikan rujukan dan seterusnya memberi manfaat kepada perancangan dan pelaksanaan program-program pencegahan, intervensi dan dasar awal negara. Pelbagai agensi dan institusi boleh mendapat manfaat daripada hasil dapatan penyelidikan ini terutamanya pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan kerajaan dan secara amnya institusi-institusi yang terlibat secara langsung menguruskan dan mengendalikan kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak dalam usaha membendung penderaan dan pengabaian kanak-kanak di Malaysia.



RUJUKAN

1. Abas, A. B. (2012). Child abuse in Malaysia: Legal measures for the prevention of the crime and protection of the victim. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies*, Vol 4(2), p:1-10.
2. Child Welfare Information Gateway (2019). Definitions of child abuse and neglect. Diambil dari <https://www.childwelfare.gov>
3. Dahake, P.T, Kale, Y., Dadpe, M., Kendre, S., Shep, S., & Dhore, S. (2018). Impact of child abuse & neglect on children: a review article. *MIDSJ Journal of Dental Research*. Vol. 1:1, p: 36-49.
4. Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2021). Dasar perlindungan kanak-kanak negara. Diambil dari <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczN0RLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09>
5. Mohammad Ramzi Zakaria (2015). Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa: Kedudukannya di bawah akta kanak-kanak 2001 dan prinsip syariah. *Jurnal Undang- undang dan Masyarakat*. Vol 19, p: 37-49.
6. United Nations Children's Fund (2014). Violence against Children in East Asia and the Pacific: A Regional Review and Synthesis of Findings, Strengthening Child Protection Series, No. 4, UNICEF EAPRO, Bangkok.

MAKLUMAT LANJUT/SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

Dr. Abdul Rahman bin Ahmad Badayai (arab5487@ukm.edu.my)
Prof. Madya Dr. Zaharah binti Sulaiman (zaharah@usm.my)

